



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG TAN SRI HAJI NOH BIN HAJI OMAR  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

**KARNIVAL RAKYAT SEJAHTERA & MAJLIS PELANCARAN  
PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL (PTS)  
DI PPR LEMBAH SUBANG 1, PETALING JAYA, SELANGOR**

**TARIKH : 6 MEI 2018 (AHAD)**

**MASA : 11.00 PAGI**

**TEMPAT : PPR LEMBAH SUBANG 1,  
PETALING JAYA, SELANGOR**

## **KATA ALUAN**

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Haji Yusuff bin M Haniff  
Pemimpin Tempatan Persekutuan

Yang Berbahagia Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Indera Khairul Dzaimie bin Daud  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Yang Berusaha Dr. Mary Wong Lai Lin  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan  
Tempatan

Yang Berusaha Puan Herni Azura binti Ghafar  
Pengerusi JPP Zon 26  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Wakil-wakil Media

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Anggota Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) yang saya hormati sekalian,

**Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Negeraku Malaysia.**

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita semua hadir dan berkumpul di Karnival Rakyat Sejahtera dan Majlis Pelancaran Program Transformasi Sosial di PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya, Selangor.
2. Karnival pada hari ini adalah satu pendekatan mesra rakyat yang diambil oleh KPKT dengan penduduk setempat bagi mengenal pasti apakah keperluan dan kecenderungan penduduk setempat yang perlu diberi perhatian oleh Kerajaan.
3. Karnival ini dianjurkan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan pengamalan nilai-nilai kesejahteraan dalam masyarakat. Pelbagai aktiviti sihat dijalankan seperti acara senamrobik, bengkel DIY, pertanian *urban farming*, bengkel kitar semula dan pameran daripada pelbagai agensi Kerajaan. Kesemua aktiviti yang dijalankan ini menggalakkan penglibatan semua lapisan masyarakat supaya mengamalkan gaya hidup bersih dan sihat sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

4. PTS dilaksanakan dengan kolaborasi Jabatan-Jabatan di bawah KPKT dan agensi di Kementerian lain. Antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), PlanMalaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), *Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation* (SWCorp), Jabatan Landskap Negara (JLN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri.

5. Inilah yang kita hendak semua JPP di seluruh negara contohi dan anjurkan di tempat masing-masing. Seperti yang telah diketahui, Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) merupakan satu inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan transformasi pengurusan bandar bagi meningkatkan penyertaan rakyat (*public participation*) dalam menangani isu-isu perbandaran untuk kesejahteraan penduduk bandar. Usaha-usaha yang dilakukan ini adalah pemangkin kesejahteraan rakyat dalam menggerakkan rakyat bandar untuk bergiat aktif dalam aktiviti-aktiviti sosial yang sedang dan bakal dilaksanakan agar dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh pelbagai pihak, sekaligus dapat merapatkan hubungan emosi antara rakyat bandar dengan Kerajaan. Penglibatan komuniti setempat adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif dan harmoni.

6. Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku Pihak Berkuasa Melantik Anggota JPP amat berterima kasih atas kesediaan YBhg. Dato'/tuan-tuan/puan-puan untuk menggalas tanggungjawab dan amanah serta mengembleng tenaga dalam melaksanakan tugas-tugas yang perlu dijalankan oleh anggota JPP dalam membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menyampaikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat.

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Pada hari ini, KPKT menawarkan 8 unit rumah PPR Lembah Subang 1 untuk disewa pada kadar RM124 sebulan dan penjualan rumah PPR Lembah Subang 2 sebanyak 25 unit pada harga subsidi iaitu RM35,000 seunit. Harga yang ditawarkan bagi tujuan sewaan dan jualan adalah rendah berbanding dengan harga pasaran. Subsidi yang ditawarkan ini diharapkan dapat membantu dan meringankan beban rakyat.

8. Pihak Kerajaan melalui KPKT telah membelanjakan sebanyak RM28.7 juta bagi tahun 2017 hingga 2018. Peruntukan yang disalurkan adalah untuk tujuan pembaikan paip sanitari, pembaikan siling tadika, penggantian 23 unit lif dan CCTV, sistem pencegahan kebakaran serta pendawaian elektrik. Selain itu, peruntukan juga diberikan untuk pembaikan rumah kosong, sistem retikulasi dan rawatan anai-anai. Peruntukan tinggi yang disalurkan jelas

menunjukkan komitmen Kerajaan dalam memastikan keselesaan penduduk PPR Lembah Subang.

9. Selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*NBOS*) KPKT akan memperuntukkan satu unit rumah di PPR Lembah Subang yang akan dioperasikan secara bersama oleh kaunselor Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) negeri Selangor dan guru kaunselor Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. Rumah kaunseling ini akan dapat membantu menangani permasalahan dadah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan ini. Pengoperasian rumah kaunseling ini adalah dibawah tanggungjawab AADK dan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor di mana kedua-dua agensi akan menempatkan pegawai kaunselor bertugas di rumah kaunseling tersebut.

10. Selain itu, AADK telah mewujudkan Skuad AADK bagi menjadi pemudahcara antara masyarakat dan AADK dan sumber rujukan terawal dalam masyarakat berkaitan masalah dadah. Seramai **380 orang** penduduk Lembah Subang 1 terlibat dengan program ini semenjak tahun 2013 dan bagi seluruh negeri Selangor, keanggotaan Skuad AADK adalah seramai 15,013 orang. Program ini berbentuk sukarelawan yang boleh dianggotai oleh masyarakat dengan menjadi mata dan telinga kerajaan dalam membantu melaksanakan aktiviti berkaitan antidadah dalam komuniti masing-masing .

**Para hadirin yang dihormati sekalian,**

11. Saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kepentingan rakyat serta sering mendahulukan rakyat dalam mentadbir negara ini. Dalam apa-apa jua perancangan atau program pembangunan negara kepentingan rakyat sentiasa diberikan keutamaan dan didahulukan agar seluruh rakyat Malaysia dapat merasai kemakmuran pembangunan negara.

12. Akhir kata, saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan kepada semua pihak yang telah menjayakan dalam menjayakan majlis pada hari ini.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**